

Tak import produk haiwan Wuhan

Tiada laporan kes jangkitan virus ketika sentuh barang dari China

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak mengimport sebarang produk haiwan dalam bentuk sejuk beku atau secara hidup dari wilayah Wuhan, China yang diisyiharkan sebagai pusat penyebaran coronavirus (2019-nCoV).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, menjelas-

Eksklusif

kan negara hanya mengimport keratan ayam sejuk beku dari wilayah lain di China bagi menampung bekalan semasa.

“Setakat ini tiada laporan kes yang menunjukkan penularan ketika menyentuh produk makanan, tetapi kita akan terus dapatkan pandangan pakar bagi mengenal pasti ciri sebenar coronavirus.

“Perlu difahami wabak ini adalah virus baharu. Wujud pelbagai perkara yang belum diketahui. Kita ambil langkah berjaga-jaga dengan sentiasa memeriksa kualiti produk import seperti daging.



Dr Quaza Nizamuddin

“Menerusi pemeriksaan, saringan dan maklumat bersandarkan analisis yang membuktikan mana-mana produk dijangkiti virus, kita akan keluarkan arahan supaya ia disekat daripada dibawa masuk ke Malaysia,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin

Ayub, semalam dilaporkan berkata tiada sekatan baharu dikenakan terhadap produk diimport dari China, melainkan daging babi dan produk berkaitan babi bagi mengekang penularan Demam Babi Afrika (ASF).

Selain limau mandarin yang dibawa masuk sebelum Tahun Baharu Cina, Malaysia mengimport anggur, epal dan pelbagai produk makanan laut dari China.

Susulan penularan coronavirus baru, Dr Quaza berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) untuk mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa mengenai potensi jangkitan berkenaan disebarluaskan menerusi produk ternakan.

“Laporan semasa menunjukkan jangkitan coronavirus adalah menerusi manusia, tidak membabit-

kan haiwan. Justeru, kita akan terus pantau perkembangan semasa dan maklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) jika perlu mengeluarkan arahan sekatan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MAQIS, Saiful Yazan Alwi, berkata pihaknya masih menunggu arahan melaksanakan sekatan terhadap produk berkaitan daripada tiga agensi, iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, susulan penularan coronavirus baru.

MAQIS sebagai agensi penguat kuasa akan bertindak mengikut arahan tiga agensi terbabit yang mempunyai perincian, hasil analisis dan maklum balas kerana menganggotai pertubuhan antarabangsa.